

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"MEREKA sama sekali tidak membela kangi Hukum Allah dan Rasul di dalam apa jua keadaan, yang menjadikan mereka terus dihornati lagi digeruni".

- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1430 Hijrah / 2009 Masihi pada 12 Rabiulawal 1430 / 9 Mac 2009.



Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.57 5.07 6.30 6.54 12.27 3.49 6.21 7.36

TAHUN 65 / BILANGAN 3

6 JANUARI 2020 / 1441 10 جمادى الاول

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

Selamat meluaran seorang puteri



ISTERI kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala selamat meluaran seorang puteri pada Ahad, 10 Jamadilawal 1441 bersamaan 5 Januari 2020, jam 10.08 malam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahwasanya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala telah selamat meluaran seorang puteri pada Ahad, 10 Jamadilawal 1441 bersamaan 5 Januari 2020, jam 10.08 malam.

Kehidupan makhluk tanda kebesaran Allah

Oleh : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Dalam penciptaan langit dan bumi, pergantian siang dan malam banyak memberikan pengajaran tanda kebesaran Allah.

Alam sekeliling tidak akan habis bahan untuk dijadikan renungan seperti kehidupan burung-burung yang mempunyai keistimewaan dan kebolehan masing-masing.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri turut mendidik para sahabat di dalam meningkatkan keimanan para sahabat Baginda dengan mengambil setiap kesempatan yang dilihat, yang didengar, yang dirasa, yang dilalui untuk mengingatkan pada akhirat.

Ke muka 4

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DEMI masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar".
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-'Asr).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn



MMPB buka tirai tahun
2020
Muka 3



KONSERT Persembahan
Amal MKM meriahkan JP
Muka 5



YSHHB bantu pelajar
memerlukan
Muka 7



KENALKAN jenama tempatan
di pentas antarabangsa
Muka 21

Pengusaha tempatan digalakkan terajui industri pembinaan

Bismillahir Rahmani Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan
Selamat Tengah Hari

ALHAMDULILLAH, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya juga telah mengizinkan kita semua bersama dan berhimpun di Majlis Pelancaran Local Business Development Circular (atau ringkasnya LBD Circular), Kementerian Pembangunan pada petang ini.

Terlebih dahulu, peramba / saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan-jabatan dan Divisyen yang terlibat, iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Divisyen Penyelaras Polisi dan Pelan Strategik, Kementerian Pembangunan serta Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) yang telah sama-sama mengungkayahkan dalam penyediaan LBD Circular atau Surat Pemberitahuan Pembangunan Perniagaan Tempatan yang akan dilancarkan hari ini.

Dalam menerajui pembangunan infrastruktur fizikal dan sosial negara, kementerian ini memang menyedari kepentingan untuk memberi fokus kepada pembangunan perniagaan tempatan demi menghasilkan pembangunan negara yang seimbang. Oleh itu, LBD Circular ini diperkenalkan adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan pembangunan yang mampan bagi kapasiti, keupayaan, kompetensi dan daya saing syarikat-syarikat tempatan dan juga bagi merealisasikan perancangan strategik

MENYENTUH mengenai 'local content' pula, adalah diketahui bahawa negara kita banyak bergantung kepada penggunaan bahan-bahan dan produk-produk dari luar negara. Ke arah ini, apa yang dihasratkan ialah syarikat-syarikat pembinaan di negara ini akan dapat memberi keutamaan bagi penggunaan bahan dan produk binaan tempatan atau dari pembekal-pembekal tempatan.

Ini akan dapat mendukung industri pembuatan dan pembekal tempatan dan secara tidak langsung ia akan memberikan manfaat kepada banyak pihak.

Menyentuh mengenai 'local employment' pula, industri pembinaan masih dikuasai oleh pekerja-pekerja asing, ini termasuklah jawatan-jawatan yang sebenarnya boleh diisikan oleh anak-anak tempatan seperti pengurus, jurutera, pemandu dan sebagainya. Kita semua faham, pekerjaan dalam industri ini begitu mencabar dan persaingan yang tinggi bagi anak-anak tempatan kita, namun kita percaya masih terdapat ruang dan peluang pekerjaan yang harus diambil oleh anak-anak tempatan. Pencari kerja pula seharusnya tidak melepaskan peluang ini kerana industri pembinaan adalah merupakan industri ketiga terbesar yang memberikan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.'



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran LBD Circular pada Sabtu, 26 Rabiulawal 1441H bersamaan 23 November 2019M, bertempat di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Kementerian Pembangunan dalam mendukung pembangunan perniagaan tempatan sebagai tonggak pertumbuhan dalam industri pembinaan di negara ini.

LBD Circular Kementerian Pembangunan ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang strategik utama, iaitu

pertama, pemilikan dan pengurusan syarikat tempatan (*local ownership*); kedua, penggunaan barang pembinaan tempatan dan perkhidmatan tempatan, (iaitu *local content*); dan ketiga, memberikan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan, (iaitu *local employment*).

Menyentuh mengenai *local ownership*, pihak kementerian sejak dari dulu memang mengharapkan bagi pengusaha syarikat-syarikat tempatan untuk menerajui industri pembinaan di negara ini, termasuklah di luar negeri dan dapat bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa. Pihak Kementerian Pembangunan mengambil maklum, terdapat sebilangan syarikat yang dimiliki oleh orang-orang tempatan yang berjaya dan telah memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Akan tetapi masih terdengar dan terdapat banyak lagi syarikat-syarikat, yang mana diurus tadbir oleh orang-orang asing dan pemilik-pemilik tempatan hanya menggunakan nama mereka untuk pendaftaran sahaja. Perkara sedemikian sangat merugikan, kerana setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara ini. Selaku pemilik tempatan haruslah mengambil peluang ini, dan dengan penglibatan pemilik tempatan sepenuhnya pihak kementerian berpendapat boleh membantu negara ini memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Ke arah memastikan penglibatan pemilik-pemilik syarikat tempatan, pihak kementerian telah mula menemui dua pemilik syarikat kelas I dan II. Temu dua ini adalah pra-syarat pendaftaran yang dikenakan bagi pendaftaran baharu syarikat-syarikat di dalam Kelas I dan II. Pihak Kementerian juga seterusnya akan menilai semula pendaftaran semasa pihak syarikat menghadapkan permohonan untuk membaharui sijil pendaftaran syarikat nanti. Jika pemilik-pemilik syarikat berkenaan tidak mencapai pemarkahan yang ditetapkan maka Sijil Pendaftaran Kontraktor tidak akan diperbaharui dan hanya diberikan Lesen Pembina sahaja.

Menyentuh mengenai *local content* pula, adalah diketahui bahawa negara kita banyak bergantung kepada penggunaan bahan-bahan dan produk-produk dari luar negara. Ke arah ini, apa yang dihasratkan ialah syarikat-syarikat pembinaan di negara ini akan dapat memberi keutamaan bagi penggunaan bahan dan produk binaan tempatan atau dari pembekal-pembekal tempatan. Ini akan dapat mendukung industri pembuatan dan pembekal tempatan dan secara tidak langsung ia akan memberikan manfaat kepada banyak pihak.

Ke muka 11

Dari Sidang Pengarang.

6 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 10 جمادى الاول

BERUSAHA SEDAYA UPAYA MERAIH AZAM

PADA detik 1 Januari 2020, umat manusia bukan sahaja menjalankan kaki ke tahun baharu, malahan apa yang uniknya pada kali ini ialah ia juga melambangkan peredaran dari satu dekad ke satunya.

Satu dekad bukanlah satu jangka masa yang pendek kerana dalam tempoh 10 tahun, setentunya pelbagai kenangan yang dilalui sama ada kejayaan maupun sebaliknya. Bagaimana pula awda? Apa yang dicapai sepanjang satu dekad yang lalu? Jika kejayaan dikecapi, rasa syukur mesti dipanjangkan ke hadrat Illahi keran dengan izin-Nya juga serta usaha gigih, ia diraih. Jika kegagalan pula dilalui, jangan berputus asa dan tanamkan azam baharu untuk mengubah kegagalan tersebut menjadi satu detik manis dalam kehidupan.

Dalam meniti lembaran baharu, setentunya ada azam yang disemat di dalam hati dan minda untuk dikecapi bagi tahun 2020. Sama ada berjaya dalam kerjaya, akademik, perniagaan, jangan lupa untuk mengimbangi usaha yang bukan sahaja untuk bekalan di dunia malahan yang lebih penting, bekalan untuk di akhirat.

Pada Khutbah Jumaat baru-baru ini ada menyentuh di mana agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa mempertingkatkan usaha dalam membuat ibadah dan amal kebajikan. Di samping itu, agama Islam juga tidak melarang umatnya untuk mencari keberkatan dunia dengan cara yang baik seperti mencari rezeki dari sumber yang halal lagi baik, supaya ia sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam khutbah berkenaan juga menyatakan bahawa rezeki adalah anugerah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada setiap hamba-Nya. Oleh itu, kita tidak perlu berasa khuitir atau bimbang kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menentukan dan menetapkan rezeki untuk sekalian makhluk ciptaan-Nya. Bagaimanapun dalam hal ini, walaupun Allah Subhanahu Wata'ala sudah menentukan dan menetapkan rezeki masing-masing, janganlah pula kita menyalah erti maksud ayat tersebut dengan hanya duduk diam, berpeluk tubuh dan hanya bergantung harap pada pertolongan orang lain.

Ini juga boleh diaplikasikan dengan azam baharu yang lazimnya adalah untuk membawa perubahan yang lebih baik kepada diri sendiri. Kita seharusnya hendaklah berusaha dengan lebih keras dan sedaya upaya untuk mencuba untuk meraih azam berkenaan dengan jayanya. Jika ia hanya sekadar dilafazkan dan tidak ada sebarang tindakan diambil, sudah setentunya peluang untuk mencapai azam tersebut tersangat tipis.

Agama Islam sendiri tidak menyukai umatnya yang hanya berpeluk tubuh dan malas berusaha. Oleh itu, selagi masih ada tenaga dan keupayaan, gunakanlah kudrat dan tulang empat kerat kita untuk melaksanakan apa yang hendak dikehendaki.

Justeru mari renung kembali. Sudah hampir seminggu kita berada dalam minggu pertama pada bulan pertama tahun 2020. Apa yang sudah dilaksanakan? Walaupun azam berkenaan mungkin masih jauh untuk dicapai, bagaimanapun apakah sudah mulakan langkah ke arah azam itu? Berusahalah, dan jangan biarkan azam berkenaan sekadar omong kosong atau khayalan sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Ss).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
6	ISNIN	10	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21 7.36
7	SELASA	11	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22 7.36
8	RABU	12	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.49	6.22 7.36
9	KHAMIS	13	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.23 7.37
10	JUMAAT	14	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23 7.37
11	SABTU	15	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23 7.38
12	AHAD	16	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24 7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
114	991	993	995	998	123	2380214

MMPB buka tirai tahun 2020



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (empat, kiri) semasa hadir pada majlis pembuka tirai Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) (atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat memotong kek bagi menyambut Ulang Tahun Pertama MMPB.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) adalah sebuah platform yang menggabungkan para penggiat industri kreatif Brunei untuk bersama-sama memperkenalkan kreativiti, inovasi, seni dan kebudayaan, hiburan juga keusahawanan.

Sehubungan itu, MMPB diteruskan lagi sebagai pembuka tirai tahun 2020, di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji

Maiddin bin Pengiran Haji Said. Acara diserikan dengan persembahan sketsa dan nyanyian daripada artis-artis tempatan.

Kemuncak acara, Penyampaian Anugerah Belia Kreatif Seni Berpotensi dan Anugerah Belia Kreatif Inovasi Terbaik.

Anugerah Belia Kreatif Seni Berpotensi dimenangi oleh Beatrice Shim, di mana beliau menghasilkan lukisan mengenai Creative Night Market dan memberikan impak kepada orang ramai, terutama para belia di negara ini.

Bagi Anugerah Belia Kreatif Inovasi Terbaik pula disandang oleh Awang Abdullah Wafy bin Haji Rosli dari Show Time Creative Entertainment Services Sendirian Berhad. Beliau

merupakan pengajur Beatbox Competition pertama di Brunei dan pernah mengikuti pertandingan-pertandingan di luar negara juga giat menggalakkan para belia untuk menjadi proaktif dalam bidang Beatbox.

Anugerah - anugerah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham.

Pada acara tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesudian memotong kek bagi menyambut Ulang Tahun Pertama MMPB.

Sasaran utama MMPB adalah

membabitkan penglibatan dalam kalangan belia Brunei untuk mengembangkan laungan #sapotlokal dan memberikan pendedahan kepada mereka untuk memperjuangkan hasil karya, seni kreatif dan keusahawanan mereka.

MMPB bermatlamat untuk menghidupkan dan memeriahkan lagi Pusat Belia sebagai sebuah pusat perkumpulan belia yang sentiasa dinamik, kreatif dan progresif.

Bagi mengikuti perkembangan MMPB bolehlah melayari Instagram @mmpb.bn atau melalui Facebook Malam Minggu Pusat Belia atau e-mel ke malamminggupusatbelia@gmail.com bagi sebarang pendapat atau saranan.

30 peniaga sertai Ekspo Tahun Baharu 2020

TUTONG, Ahad, 5 Januari. - Sebanyak 30 peniaga tempatan dan luar negara menyertai Ekspo

PENIAGA, Swailim anak Gawing, menjelaskan bahawa sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan (kiri), sementara gambar bawah kiri dan kanan, suasana Ekspo Tahun Baharu 2020 yang diadakan ruang legar, Petani Mall.

Tahun Baharu 2020 yang diadakan ruang legar Petani Mall, di sini.

Ekspo berkenaan menjual pelbagai keperluan rumah termasuk baju dan peralatan sekolah, baju berjenama dan berkualiti dengan harga berpatutan serta makanan dan minuman.

Ekspo yang berlangsung dari 3 Januari hingga 12 Januari itu bermula jam 12.00 tengah hari hingga 9.00 malam.

Antara tujuan ekspo diadakan,

Berita dan Foto : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim

untuk memberikan peluang kepada peniaga kecil-kecilan khasnya peniaga tempatan agar mereka dapat mengembangkan dan membesar lagi perniagaan mereka.

Ketika membuat tinjauan ke ekspo berkenaan, Pelita Brunei menemu bual salah seorang

Peniaga, Swailim anak Gawing, antara lain menyatakan sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan.

Tambahnya, ini merupakan kali kedua beliau menyertai ekspo tersebut, yang mana beliau menjual barang pakaian dari negara luar.



Kehidupan makhluk tanda kebesaran Allah



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid menyampaikan Tazkirah Subuh bertajuk 'Tanda-tanda Kebesaran yang Meningkatkan Iman' pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Turut hadir mendengarkan, Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Dari muka 1

Perkara tersebut merupakan perincian yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan

Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid dengan tajuk 'Tanda-tanda Kebesaran Yang Meningkatkan Iman' pada

Tazkirah Subuh yang diadakan selepas Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Program pada sirinya kali ini dikendalikan oleh KHEU disokong oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

tersebut ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' merupakan sebuah program sama-sama mengalaukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.



PENGURUS-PENGURUS Bersama Khal's Coffee, Awang Mohd. Zulfadhl Jali bersama Awang Adi bin Hamzah, di mana para penggemar kopi boleh mencuba Khal's Coffee untuk merasakan keunikan kopi yang mempunyai kalori yang rendah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Dengan hasrat untuk mengekalkan warisan masyarakat Brunei Darussalam,

penghasilan Dastar masih dikembangkan sehingga ke hari ini agar generasi baharu tertarik dan kenal dengan tradisi

pemakaian Dastar.

Bermula minat dalam bidang seni, Awang Haji Bakar Mansor yang berasal dari Kampung Kasat Mukim Lumapas kini terkenal dengan pembuatan Dastar yang ditambatnya sendiri.

Pelita Brunei semasa berkunjung ke Bandarku Ceria, Awang Haji Bakar Mansor mengadakan jualan Dastar, iaitu Dastar Dewasa, Dastar Kanak-kanak, Dastar Souvenir, di samping menyediakan Dastar untuk disewa.

Dengan tema 'Memperkasa Dastar Melayu', kebanyakan Dastar yang dihasilkannya adalah kegunaan dalam Majlis Perkahwinan, Majlis Mandi Belawat dan sebagainya.

Di Bandarku Ceria itu juga, para pengunjung berpeluang menyaksikan dan merasakan pengalaman menyentuh atau memegang serta bergambar bersama ular dan pelbagai binatang yang lain.

Bagi Awang Samat bin Haji Lasim dari Kampung Bebatik,

AWANG Haji Bakar Mansor mengadakan jualan Dastar, iaitu Dastar Dewasa, Dastar Kanak-kanak, Dastar Souvenir, di samping menyediakan Dastar untuk disewa.

Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

Kilanas menjelaskan, beliau mengadakan pameran binatang tersebut sejak tahun 2018, di mana sambutan yang diberikan oleh orang ramai sangat menggalakkan.

Beliau mengalaukan orang ramai untuk berkunjung ke Bandarku Ceria untuk merasakan pengalaman tersebut, di samping mengambil gambar bersama binatang-binatang berkenaan.

Sementara itu, Bandarku Ceria juga dipenuhi dengan jualan-jualan makanan, minuman, pakaian dan sebagainya.

Bagi penggemar kopi boleh mencuba Khal's Coffee untuk merasakan keunikan kopi yang mempunyai kalori yang rendah.

Pengurus Bersama Khal's Coffee, Awang Mohd. Zulfadhl Jali berkata, Khal's Coffee mula beroperasi sejak tiga bulan lalu dan sering mengadakan jualan semasa Bandarku Ceria dan Malam Minggu Pusat Belia.

Beliau berharap dengan pengenalan jenama kopi tersebut akan dapat menarik ramai pelanggan, sekali gus menjana pendapatan.

Manakala bagi Awang Adi bin

Hamzah yang juga Pengurus Bersama Khal's Coffee menjelaskan, mereka ingin membuktikan bahawa sebagai anak tempatan juga boleh melakukan atau menghasilkan sesuatu yang diinginkan dengan adanya kerja keras dan usaha berterusan.



AWANG Samat bin Haji Lasim dari Kampung Bebatik, Kilanas mengadakan Pameran binatang sejak tahun 2018 dan sambutan dari orang ramai juga sangat menggalakkan.

Konsert Persembahan Amal MKM meriahkan JP



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pg. Haji Ali Hassan (lima, kanan) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah (empat, kanan) hadir menyaksikan Konsert Persembahan Amal MKM (Majlis Kesejahteraan Masyarakat) - MKM Live 2020 (kanan), sementara gambar kiri, penampilan kumpulan BruHaha yang juga juruacara konsert tersebut membuatkan para penonton tidak kering gusi dengan aksi spontan jenaka mereka.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Sabtu, 4 Januari. - Konsert Persembahan Amal MKM (Majlis Kesejahteraan Masyarakat) - MKM Live 2020 berlangsung meriah dengan variasi muzik yang menghiburkan para pengunjung yang datang di Amphitheatre, Jerudong Park (JP) di sini.

Hadir menyaksikan MKM LIVE 2020, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pg. Haji Ali Hassan dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Penyanyi dan penghibur tanah air kita tidak kurang hebatnya, masing-masing mendendangkan nyanyian pelbagai genre.

Penampilan kumpulan lawak

BruHaha yang juga juruacara dengan persembahan lawak jenaka di konsert dari awal hingga ke akhir membuatkan para penonton tidak kering gusi dengan aksi spontan jenaka mereka.

Persembahan opera daripada Maya juga menghiburkan para penonton dengan bakatnya dalam nyanyian opera meskipun masih muda, namun dua buah lagu yang dibawakkannya sangat mendayu di Amphitheatre, JP.

Aznniel diikuti Ela juga menghiburkan dengan persembahan masing-masing daripada lagu single dan begitu juga Ela dengan mendendangkan lagu mandarin dan Greatest Love of All. Lagu 'Jealous' kemudian dibawakan oleh Kumpulan JYZ dan membawakan lagu

sentimental klasik, Belaian Jiwa dan Getaran Jiwa.

Sejurus selepas sesi rehat, konsert semakin gempak dengan adanya penyanyi tempatan kita yang tidak asing dan begitu terkenal di negara kita, Zad Peace dengan lagu hitnya yang kini selalu bermain di corong radio, termasuk 'Kampung Boy' dan lagu baharunya 'Bukan Mudah'.

Kemudian, penampilan Fakhru Razi yang ditunggu peminat memang tidak menghamparkan dengan nyanyian dan vokalnya yang memukau menerusi lagunya Salahkan Aku, diikuti Nikmat Tak Terbatas yang diubah menjadi irama Jazz dan Senyuman Gelapmu serta menghiburkan dengan nyanyian Keris Sakti sebelum konsert melabuhkan tirainya.

Selain nyanyian, turut juga diadakan jualan di Amphitheatre, JP yang juga turut menyumbangkan sebahagian hasil



ANTARA maskot yang turut memeriahkan MKM Live 2020 itu.

jualan mereka dalam inisiatif seorang klien, Dayang Jamping binti Haji Shawal di Kampung Madang.



TERHIBUR dan tersenyum dengan persembahan yang disaksikan pada MKM Live 2020 tersebut.

Berhati-hati melalui Terusan Timur

Siaran Akbar : Jabatan Laut dan Pelabuhan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Pelaut-pelaut adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan boyai sementara bagi menggantikan Pancang yang hilang, bernama X3 di Terusan Timur dan kerja-kerja mewarnakan tanda-tanda pelayaran laut sedang dijalankan sejak 23 Disember 2019 hingga 23 Mac 2020.

Kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. dan akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Isyarat Amaran yang disediakan Standard Light and Symbols. Pekerjaan akan dilaksanakan pada waktu siang hari sahaja. Semboyan hon akan dibunyikan sebagai amaran kepada mana-mana kapal yang melintas.

Pelaut-pelaut adalah dikehendaki untuk lebih berhati-hati apabila belayar di kawasan tersebut.

Pihak Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut. Sila hubungi Awang Lim Chee Ming menerusi talian +673 7101233 atau e-mel 10002096@pmb.hengyi.com sekiranya memerlukan sebarang penjelasan mengenainya.

Majlis Dikir sempena Perbarisan Tamat Latihan



PENOLONG Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Haji Awang Mohd. Hassan bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad selaku Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah hadir selaku tetamu kehormat dan menabur bunga rampai kepada pelatih-pelatih rekrut Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang diraikan pada Majlis Dikir untuk pelatih-pelatih tersebut (atas dan kanan).



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

GADONG, Sabtu 4 Januari. - Majlis Dikir merupakan salah satu acara yang diselitkan di dalam program upacara sebelum perbarisan tamat latihan bagi pelatih-pelatih rekrut Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Majlis Dikir yang diunggah oleh Pusat Latihan

Polis (PLP) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PLP Gadong melibatkan seramai 78 pelatih pengambilan Polis Konstabel Skuad 1/2019 serta 25 pelatih pengambilan Polis Tambahan (APO) skuad 1/2019.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pesuruhjaya Polis,

Dato Paduka Haji Awang Mohd. Hassan bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad selaku Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah.

Turut hadir Pegawai-pegawai Kanan, jemputan khas, anggota-anggota PPDB serta ahli-ahli keluarga para pelatih yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai

yang dipimpin oleh salah seorang pelatih Polis Konstable Lelaki 6766 Jaafar Sadiq @ Adeeq Aqiel bin Abdullah.

Para pelatih akan menamatkan latihan kepolician dengan Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang akan diadakan pada 9 Januari 2020 bertempat di Padang Kawad Besar PLP setelah menjalani latihan asas di PLP sejak 17 Jun 2019 bagi Polis Konstabel dan APO.

Selamat dibacakan oleh 6766 Jaafar Sadiq @ Adeeq Aqiel bin Abdullah.

Para pelatih akan menamatkan latihan kepolician dengan Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang akan diadakan pada 9 Januari 2020 bertempat di Padang Kawad Besar PLP setelah menjalani latihan asas di PLP sejak 17 Jun 2019 bagi Polis Konstabel dan APO.

Sebelum mengakhiri majlis, Doa



PELATIH-PELATIH rekrut PPDB ketika membaca Dikir As-Salai dan Marhaban beramai-ramai.

DARI MAHKAMAH

Penjara 36 bulan atas kesalahan menipu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Hukuman dijatuhkan iaitu penjara selama 36 bulan terhadap Mohammad Khairuddin bin Haji Jumat kerana melakukan kesalahan menipu. Hukuman bermula hari ini selepas mengaku bersalah di hadapan Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan oleh Magistrate Mohammad Marzuqi bin Sabtu.

Tertuduh melakukan penipuan pada bulan Julai, Ogos dan September 2019 di kawasan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Tertuduh melakukan penipuan kepada mangsa, Sulaiman bin Haji Abdullah untuk membuka akuan sebanyak BND300 untuk Skim Perniagaan Pelaburan Emas.

Manakala pada 5 Ogos 2019 tertuduh telah berjumpa mangsa di kawasan Masjid Omar 'Ali Saifuddien untuk menyakinkan mangsa untuk melabur sebanyak BND200 bagi skim perniagaan pelaburan emas dan tertuduh sekali lagi berjumpa mangsa untuk menipu agar mangsa memberikan lagi wang sebanyak BND300 untuk memproses pulangan pelaburan sejumlah BND77,000 dari skim yang tidak pernah wujud.

Sementara itu, pada 19 Ogos 2019 tertuduh telah berjumpa mangsa untuk meminta bayaran sebanyak BND80 untuk membayar dirinya kerana memproses pulangan skim perniagaan pelaburan emas. Manakala pada 24 Ogos 2019 tertuduh berjumpa lagi mangsa untuk meminta bayaran sebanyak BND500 untuk memproses pulangan pelaburan sebanyak BND135,000 dari Skim Perniagaan Pelaburan Emas. Tertuduh juga menipu mangsa agar memberikan wang sebanyak BND4,100 untuk memproses pulangan skim pelaburan.

Tertuduh seterusnya menyakinkan mangsa untuk mempercayai tentang skim pelaburan emas dan mengarahkan agar mangsa memberikan wang sebanyak BND300 lagi.

Tertuduh menggunakan wang hasil jenayah yang merupakan hasil penipuan sebanyak BND2,800 untuk membeli enjin 50HP Yamaha.

Di bawah seksyen 420 kanun keseksaan, Bab 22 bagi kesalahan berkenaan adalah penjara bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga tujuh tahun.

Pendakwaan terhadap tertuduh di buat oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian bin Abd. Rahman.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Keusahawanan Pemacu Brunei Maju'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2020
- 'Kepentingan Amalan Minum Air'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2020
- 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berkas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

YSHHB bantu pelajar memerlukan



PENOLONG Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima-penerima Sumbangan Peralatan dan Keperluan Persekolahan bagi Sesi Persekolahan Tahun 2020 (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Seperti kelazimannya diadakan setiap tahun, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSSHB) akan menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar dalam bentuk bantuan peralatan dan keperluan

persekolahan. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat YSSHB sebagai amal wadah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu sebagai tanda pemeliharaan dan kasih baginda kepada rakyat baginda.

Sehubungan itu, YSHHB baru-baru ini mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Peralatan dan Keperluan Persekolahan bagi Sesi Persekolahan Tahun 2020 di Dewan Serbaguna, Kompleks tersebut.

Majlis adalah kesinambungan daripada majlis yang diadakan pada 5 Disember dan 23 Disember 2019 lalu.

Pada majlis tersebut, seramai 256 pelajar, terdiri daripada 157 orang pelajar sekolah rendah dan

Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

99 orang pelajar sekolah menengah, dari sejumlah 91 buah keluarga yang kurang berkemampuan di seluruh negara menerima sumbangan bagi Sesi Persekolahan Tahun 2020.

Adalah dihasrat sumbangan itu akan dapat membantu meringankan beban keluarga dalam membuat persiapan persekolahan anak-anak mereka.

Penyerahan bantuan mencerminkan betapa Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui YSHHB mementingkan pendidikan dan setiap pelajar tidak sewajarnya tercicir disebabkan ketidakmampuan membayai keperluan pembelajaran mereka.

Dalam konteks ini, YSHHB berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai hasrat Kebawah DYMM dan memastikan anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan terbantu.

Sumbangan yang diterima oleh setiap penerima adalah dalam bentuk kupon, membolehkan penerima membeli peralatan dan

keperluan persekolahan. Setiap seorang pelajar menerima kupon yang bernilai BND250.

Penyampaian sumbangan tersebut amatlah bertepatan dengan matlamat strategik YSHHB dalam mendukung pencapaian pendidikan yang berkualiti dan saksama bagi semua lapisan masyarakat.

Sumbangan tersebut dihasrat bagi memeduli kebajikan dan hal ehwal pendidikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan bagi meningkatkan motivasi mereka untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Di samping itu, sumbangan tersebut dihasrat dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka, khususnya bagi persediaan Penggal Awal Persekolahan Tahun 2020.

Sumbangan disampaikan oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir.



ANTARA ahli keluarga penerima yang hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Peralatan dan Keperluan Persekolahan bagi Sesi Persekolahan Tahun 2020 di Dewan Serbaguna, YSHHB.

Tip

Pendidikan

Amalkan LIMA tip ini agar tidak mudah lupa dan mudah faham topik yang guru ajar



- **Tumpukan perhatian sepenuhnya!** : Apabila guru mula mengajar, berikan tumpuan sepenuhnya. Berhenti mencari buku, berhenti mengasah pensel, berhenti menyuruh orang diam dan berhenti dari melakukan apa-apa selain daripada memberi 100 peratus tumpuan kepada penerangan guru. Ini adalah RAHSIA yang paling besar jika mahu menjadi pelajar yang cemerlang.
- **Conteng kertas kosong** : Semasa guru mengajar, jika ada sebarang soalan timbul di dalam minda mengenai apa yang tidak difahami, conteng di atas kertas kosong. Ini termasuk apa yang kita faham semasa guru mengajar, contengkan juga.
- **Bayangkan apa yang guru sedang ajar** : Jika kita TIDAK MEMBAYANGKAN apa yang guru sedang ajar, kita akan terbayangkan perkara yang lain pula. Membayangkan perkara selain daripada apa yang guru sedang ajar inilah yang dinamakan berangan-angan atau khayal di dalam kelas. Bayangkan dapat melihat apa yang guru sedang terangkan dan apa yang guru sedang ceritakan.
- **Cepat-cepat buat latihan** : Soalan-soalan daripada latihan boleh menentukan sama ada kita faham atau tidak. Lebih banyak kita faham, lebih banyak kita akan INGAT. Apabila terjumpa soalan yang tidak dapat dijawab atau kita tidak faham, tuliskan soalan di atas kertas untuk ditanyakan kepada guru kita.
- **Baca semula apa yang guru ajar sebelum 48 jam** : Kajian mengatakan bahawa jika pelajar belajar 10 perkara hari ini, mereka akan lupa sembilan daripadanya selepas dua hari. Cara mengatasinya ialah selepas belajar satu topik baharu, sebelum dua hari berakhir, baca semula atau ulang kaji semula. Kita akan lebih mudah ingat dan pasti tidak mudah lupa.

Kemaslahatan Jemaah Haji keutamaan Jabatan Urusan Haji



PEMANGKU Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad semasa ditemu bual di Bangunan Tambahan KHEU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Kemaslahatan kesejahteraan para jemaah haji menjadi keutamaan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji termasuk meneliti pelbagai sudut dalam kepentingan dan kebajikan para jemaah termasuk usaha-usaha dalam aspek peningkatan kuota yang diperuntukkan oleh Kerajaan Arab Saudi dari sebanyak 400 kuota sejak dari tahun 2012.

Atas ihsan dan kemurahan hati pihak Kerajaan Arab Saudi, peningkatan jumlah kuota diperuntukkan menjadi sebanyak 1,000 kuota sejak dari tahun 2017 sehingga sekarang.

Pemangku Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad semasa ditemu bual di Bangunan Tambahan KHEU turut menjelaskan, jumlah pendaftaran untuk menjadi jemaah haji juga begitu

menggalakkan dan semakin meningkat dari setahun ke setahun dan baki jumlah senarai menunggu sebelum pendaftaran bagi tahun ini adalah sebanyak 4,177 orang.

Memandangkan jumlah kuota yang diberikan begitu terhad, mereka yang sudah mendaftar itu dimasukkan dalam senarai menunggu, yang kemudian dipilih berdasarkan senarai urutan pendaftaran.

Sementara itu, jumlah baki tersebut belum lagi termasuk bagi pendaftaran haji tahun 1441H, pihaknya setakat 2 Januari tahun ini sudah menerima seramai 2,011 orang dan dijangka akan meningkat sebelum tarikh ditutup pada 1 Februari ini nanti dan dari itu, secara keseluruhannya, lebih 6,000 dalam senarai menunggu.

Pihak jabatan menyarankan agar pemohon mendaftar sekali dalam satu kumpulan keluarga kerana apabila terpilih

nanti, mereka disatukan dalam satu kumpulan.

Walau bagaimanapun, tertakluk kepada pemohon kerana apabila terpilih nanti, adalah sukar untuk menambah bilangan ahli keluarga lebih-lebih lagi kuota sudah dipenuhi oleh bakal jemaah haji yang terpilih pada tahun berkenaan.

Awang Haji Abdullah seterusnya menerangkan, jumlah baki dalam senarai menunggu tersebut dijangka akan dapat menuaikan ibadah haji pada tahun 2021 - 2025 sementara, pemohon yang mendaftar haji pada tahun ini dijangka akan dapat menuaikan ibadah Haji pada tahun 2026 sehingga seterusnya.

Tahun jangkaan bagi jumlah berkenaan ialah dalam sekitar

lima ke enam tahun kadar nisbah menunggu namun tempoh berkenaan masih rendah berbanding negara-negara lain yang lama menunggu untuk menunaikan Fardu Haji.

Walau bagaimanapun tambahnya, jangkaan tersebut akan berubah sekiranya berlaku sebarang perubahan kepada jumlah kuota yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi dan jika terdapat kekosongan kuota yang sedia ada.

Selain itu juga, Jabatan Urusan Haji juga akan sentiasa berusaha ke arah mempertingkatkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan demi hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan para Jemaah Haji melalui *post-mortem* yang dijalankan dengan Kerajaan Arab Saudi dan beberapa agensi yang berkaitan.

Berbelanja Bijak&Berhemat dengan aplikasi

PenggunaBijak SmartConsumer

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store

GET IT ON Google Play

Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskauan melalui PenggunaBijak .

HUBUNGI KAMI: Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,
Negara Brunei Darussalam.
Tel : +673 2230223 (Waktu Pejabat)

Menyediakan pelbagai fungsi:

PENETAPAN HARGA MAKSIMA

Senarai barang yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

PERBANDINGAN HARGA

Perbandingan harga barang keperluan harian terpilih.

MEMBUAT ADUAN

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harga.

JUALAN & POTONGAN DISKAUN

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

PELINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

Program RRP suntik semangat kenegaraan pelajar



PENGETUA Sekolah Menengah Katok (SMK), Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohd. Salleh yang hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).



PARA pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 SMK yang hadir ketika mendengarkan taklimat pada Program RRP tersebut (atas dan bawah).



Berita dan Foto : Aimi Sani



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris ketika menyampaikan taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program RRP ke

Sekolah Menengah Katok (SMK), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua SMK, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, tenaga pengajar serta 315 pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluan daripada Pengetua SMK antara lain menjelaskan, menerusi Program RRP tersebut, para pelajar diharap akan dapat manfaat yang berguna.

Di samping itu katanya, program tersebut akan dapat menyuntik semangat kenegaraan dalam kalangan para pelajar.

Pada majlis itu, taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris diikuti dengan tayangan video klip 'Kibarkan Bendera Negara dengan Megah'.

Acara kemudiannya diserikan dengan persembahan nyanyian solo dari Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Nor Amiruddin bin Haji Brahim serta lawak jenaka dan kuiz kenegaraan oleh Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Haji Mohd. Firdaus bin Haji Salleh.

Dipenjara 12 bulan kerana Sariqah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



MOHAMAD Alipah bin Lamat didapati mencuri dalam dua kes berasingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Seorang lelaki tempatan disabitkan bersalah pada hari ini oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Bandar Seri Begawan atas kesalahan melakukan Sariqah (Curi) di bawah Bab 55(3)(b) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Mohammad Alipah bin Lamat didapati mencuri dalam dua kes berasingan.

Pada 4 Disember 2019, pesalah didapati mencuri sehelai jaket lengan panjang di salah sebuah kedai di The Mall, Gadong. Pesalah dijatuhi hukuman penjara selama empat bulan untuk kes ini.

Kes mencuri kedua puluh

berlaku pada 20 Disember 2019, di mana pesalah didapati mencuri telefon bimbit iPhone XS Max di salah sebuah kedai di The Mall, Gadong. Bagi kes kedua ini, pesalah dijatuhi hukuman penjara selama lapan bulan.

Dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah mengambil kira rekod kesalahan pesalah terdahulu, iaitu 10 kali melakukan curi, di mana kali terakhir adalah pada bulan Januari 2019.

Mahkamah memperingatkan bahawa mencuri itu suatu perbuatan yang mengaibkan, bukan sahaja kepada pesalah, malah juga kepada keluarga pesalah.

Kesalahan mencuri akan dihukum di dunia dan akhirat nanti. Justeru itu, mahkamah menasihatkan pesalah agar tidak mengulangi kesalahan mencuri itu lagi dan memperbaiki diri.

Tarikh pemerjajaan pesalah bermula dari pesalah ditahan reman, iaitu 28 Disember 2019. Hukuman dijalankan secara berturut-turut selama 12 bulan keseluruhannya.

Mahkamah juga memerintahkan supaya barang yang dicuri dikembalikan kepada pemiliknya.

Pendakwaan dijalankan oleh Pendakwa Syarie dari Bahagian Pendakwaan Syarie, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pemenang bertuah bawa pulang hadiah menarik

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Ahad, 5 Januari. - Tiket penerbangan pergi balik ekonomi ke Kuala Lumpur untuk dua orang menjadi milik Dayang Norhani binti Haji Wahab setelah terpilih sebagai pemenang cabutan bertuah dalam cabutan ketiga Kempen Cabutan Bertuah Kali Ke-9 Tahun 2019 bagi Pusat Membeli Belah Times Square.

Majlis berlangsung di Atrium, pusat membeli belah berkenaan.

Pemenang kedua, Dayang Sari Norain binti Haji Zainal memenangi sebuah set televisyen pintar (Smart TV) JVC 43 inci, manakala pemenang ketiga, Dayang Rosnah binti Usop memenangi sebuah telefon pintar Oppo A9.

Hadiyah-hadiyah disampaikan oleh Pengurus Am Pusat Membeli

Belah Times Square, Dayang Amal Majidah binti Haji Suhaili.

Terdahulu, hadiah lain berupa telefon pintar dan tablet, jam pintar, perabot, peralatan elektrik rumah, baucar penginapan hotel serta baucar untuk peralatan elektrik, fabrik, makanan dan penjagaan kulit turut disampaikan oleh Pengurus Pemasaran Times Square, Dayang Maznah binti Badarudin dan Setiausaha Pentadbiran Times Square, Dayangku Amal Farhanah Pengiran Haji Sabtu.

Sejumlah 30 ribu resit diterima di sepanjang kempen berlangsung dari Mei 2019 yang mana setiap pelanggan layak menyertai cabutan tersebut tanpa memerlukan jumlah pembelian yang dibuat dengan

penyewa-penyewa kedai di dalam pusat membeli belah tersebut.

Cabutan kali pertama dan kedua telah diadakan pada 23 Jun dan 13 Oktober 2019 yang lalu.

Acara seterusnya yang akan berlangsung di Times Square ialah Pesta Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Fair) 2020 Edisi Ketiga yang akan diadakan dari 14 hingga 19 Januari 2020.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah mengikuti akaun Facebook, Instagram dan Twitter rasmi Times Square Shopping Centre.

PENGURUS Am Pusat Membeli Belah Times Square, Dayang Amal Majidah binti Haji Suhaili (kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang utama Kempen Cabutan Bertuah Kali Ke-9 Tahun 2019 bagi Pusat Membeli Belah Times Square, Dayang Norhani binti Haji Wahab.



PARA PEMENANG Cabutan Bertuah Kali Ke-9 Tahun 2019 bagi Pusat Membeli Belah Times Square bergambar ramai bersama Pengurus Am Pusat Membeli Belah Times Square, Dayang Amal Majidah.

HALUAN

Pengusaha tempatan digalakkan terajui industri pembinaan

Dari muka 2

Menyentuh mengenai *local employment* pula, industri pembinaan masih dikuasai oleh pekerja-pekerja asing, ini termasuklah jawatan-jawatan yang sebenarnya boleh diisikan oleh anak-anak tempatan seperti pengurus, jurutera, pemandu dan sebagainya. Kita semua faham, pekerjaan dalam industri ini begitu mencabar dan persaingan yang tinggi bagi anak-anak tempatan kita, namun kita percaya masih terdapat ruang dan peluang pekerjaan yang harus diambil oleh anak-anak tempatan. Pencari kerja pula seharusnya tidak melepaskan peluang ini kerana industri pembinaan adalah merupakan industri ketiga terbesar yang memberikan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Beberapa sasaran telah ditetapkan bagi setiap bidang strategik yang mana semua syarikat yang ingin mengikuti dan melaksanakan perolehan kerajaan dalam industri pembinaan di bawah Kementerian Pembangunan, diperlukan untuk mencapai sasaran tersebut.

Jabatan pelaksana seperti JKR dikehendaki mengenal pasti kriteria-kriteria dan skop-skop projek tersebut dan memastikan penglibatan syarikat, penggunaan produk dan perkhidmatan tempatan serta menggalakkan dan memastikan peluang-peluang pekerjaan tempatan sebanyak mungkin dalam sesebuah projek.

Saya menasihatkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif ini supaya memperkasakan LBD Circular ini demi mencapai dan meningkatkan lagi sasaran tiga bidang utama yang saya nyatakan tadi.

Menyentuh mengenai pelaksanaannya pula, LBD Circular ini sudah setentunya akan memberi impak kepada syarikat pembinaan, konsultan dan pembekal tempatan. Ia diperkenalkan bukan bertujuan untuk menyukarkan atau melambat-lambatkan urusan perniagaan. Perkara ini mungkin agak sukar untuk dilaksanakan sepenuhnya, namun saya percaya dengan adanya kerjasama dan keyakinan yang tinggi dari semua pihak khususnya warga Kementerian

Pembangunan dan syarikat-syarikat swasta termasuk orang ramai, insyaaAllah matlamat yang dirancang dengan berkongseian Whole of Nation Approach serta semangat kerjasama dan komitmen yang tinggi dengan *mindset* yang positif akan dapat dicapai. Sehubungan dengan ini, dalam memastikan pelaksanaan LBD dijalankan dengan efektif serta progresif, pihak kementerian akan menuahkan satu unit khas iaitu Unit LBD di bawah ABCi yang mana Unit ini bertanggungjawab bagi menyelaras pelaksanaan, pemantauan dan peningkatan LBD di bawah Kementerian Pembangunan. Unit ini juga akan memastikan kemajuan LBD dirancang oleh Jabatan / Divisyen pelaksana mengikut circular LBD yang telah ditetapkan dan memantau peningkatan pengambilan pekerja tempatan dalam industri pembinaan secara keseluruhan.

Dengan ini saya percaya segala usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyedia dan melaksanakan pelan tindakan akan menyumbang ke arah

strategi yang relevan dan dapat memastikan pelaksanaan program LBD selaras dengan strategi ke lima, Pembangunan Perniagaan Tempatan dalam Wawasan Brunei 2035.

Bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang komited dalam penyediaan Local Business Development Circular ini dan diucapkan terima kasih juga kepada pihak ABCi dalam menjayakan dan mengungkayahkan Majlis Pelancaran LBD Circular pada petang ini.

Dengan kalimah Bismillahir Rahimah Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta Selawat dan Salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan ini melancarkan LOCAL BUSINESS DEVELOPMENT CIRCULAR, 2019' pada hari ini, Sabtu, 26 Rabiulawal 1441H bersamaan 23 November 2019

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.*

104 burger telur diagihkan



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Projek Burger Telur yang berlangsung selama dua hari secara rasminya berakhir hari ini.

Projek Burger Telur tersebut diadakan bersempena dengan Hari Bertindak (Day of Action) dengan dibantu oleh B Lututan Management dan Kelab Komuniti Belia Transformasi Biro Kemasyarakatan.

Projek tersebut bertujuan untuk menyedarkan kepentingan memberi balik kepada komuniti, memberikan kesedaran terhadap pembangunan masyarakat khususnya kepada golongan-golongan belia dan juga membina sifat kerjasama dan tolol menolong sesama individu.

Siaran Akhbar dan Foto : Al-Huffaz Management

Projek diadakan di Kompleks Sukan Sungai Asam yang disertai seramai 16 sukarelawan.

Antara aktiviti yang telah diadakan selama dua hari ialah *ice breaking* dan pembahagian kumpulan untuk penyediaan

burger telur.

Projek Burger Telur telah menghasilkan sebanyak 104 burger telur dan diagih-agihkan kepada orang ramai yang berada di Bandarku Ceria, pagi tadi.



SERAMAI 16 sukarelawan menyertai Projek Burger Telur bersempena dengan Hari Bertindak (Day of Action) dan berjaya menghasilkan 104 burger telur untuk diagih-agihkan kepada orang ramai yang berada di Bandarku Ceria (atas sekali, kanan dan kiri).

مقرنكلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن

Memperkenalkan
Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

KKBT berbagi rezeki bersama yang memerlukan



URUSETIA Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia Bandar Seri Begawan (BSB) dan Urusetia Biro Seni dan Budaya, Dayang Nurfarahiyah binti Yahya menyampaikan sumbangan keperluan tersebut diterima oleh Pengetua Sekolah Wonderkids, Dayang Noresma Wahidayana Akhra binti Haji Gahni di Kampung Jerudong (atas), sementara gambar kanan, gembira... kanak-kanak yang menerima bantuan KKBT ceria dengan sumbangan yang diterima.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Berbagi Rezeki sudah menjadi sinonim dengan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia Bandar Seri Begawan (BSB) dan boleh dikatakan menjadi satu branding bagi kelab tersebut.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Urusetia KKBT Pusat Belia BSB dan Urusetia Biro Seni dan Budaya, Dayang Nurfarahiyah binti Yahya bersama Pelita Brunei semasa Majlis Penyampaian Bantuan Sokongan

kepada tiga buah sekolah swasta di Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Dayang Nurfarahiyah yang juga selaku Ketua Rombongan, seterusnya berkata, Projek Berbagi Rezeki KKBT adalah salah satu aktiviti bersempena Hari Bertindak (Day of Action - DOA).

Tambahnya, bidang pendidikan merupakan aspek penting dalam kehidupan, bahkan pada pembangunan negara, oleh yang demikian dalam memacu gagasan Wawasan Brunei 2035,



wajarlah golongan pelajar diberikan perhatian, khusus dalam hal ehwal kebaikan dan kesejahteraan.

Menurutnya lagi, projek tersebut ialah sebagai aktiviti khidmat komuniti Ahli-ahli KKBT untuk membantu institusi pendidikan khasnya dan agensi kerajaan amnya, di samping mewujudkan semangat berihsan dan pemedulian dalam kalangan masyarakat Brunei.

Menyentuh mengenai perancangan KKBT akan datang jelasnya, kelab tersebut akan menganjurkan beberapa aktiviti bersempena Sambutan Jubli

Emas Pusat Belia BSB penghujung Januari ini, termasuk aktiviti-aktiviti pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kemasyarakatan, seni dan budaya juga kesukanan.

Aktiviti-aktiviti ini terangnya, akan diadakan di sepanjang tahun sesuai dengan gerakan daripada keenam-enam biro yang terdapat di dalam KKBT.

Terdahulu itu, rombongan KKBT menyumbangkan keperluan-keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada Sekolah Wonderkids di Kampung Jerudong, di mana sumbangan keperluan tersebut diterima oleh

Pengetuanya, Dayang Noresma Wahidayana Akhra binti Haji Gahni.

Sementara itu, menerima bagi pihak Sekolah Tadika Luqman Darussalam di Jalan Jerudong, Kampung Sengkurong 'A', Guru Besar Sekolah Luqman Darussalam, Dayang Rosiah binti Hashim.

Rombongan juga meneruskan pengagihan sumbangan ke Sekolah Cahaya Bina Insan di Kampung Kilanias.

Projek Berbagi Rezeki KKBT disasarkan kepada beberapa buah sekolah swasta dan dua buah keluarga yang kurang berkemampuan di sekitar DBM.

Projek yang berlangsung selama tujuh hari, bermula pada 23 hingga 29 Disember 2019 lalu, membuka peluang kepada orang ramai untuk sama-sama menyumbangkan keperluan pengajaran dan pembelajaran dengan harapan bantuan sokongan itu akan lebih memberikan kemudahan juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang inklusif dan selesa, khususnya kepada pelajar.

DOA merupakan inisiatif Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menggalakkan para sukarelawan bersatu dalam pengungkayahan aktiviti yang boleh memberikan manfaat kepada sejagat dan komuniti.

Aktiviti khidmat komuniti KKBT adalah untuk sama-sama membantu pihak berkenaan, menyediakan keperluan beberapa peralatan sekolah bagi menyumbang kepada kesejahteraan seisi sekolah amanya dan para penuntut khasnya kerana penuntut hari ini adalah pemimpin dan penggerak negara masa depan.



KETUA rombongan KKBT, Nurfarahiyah semasa menyampaikan sumbangan keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada Guru Besar Sekolah Luqman Darussalam, Dayang Rosiah binti Hashim (kanan) juga kepada Sekolah Wonderkids di Kampung Jerudong, di mana sumbangan keperluan tersebut diterima oleh Pengetuanya, Dayang Noresma Wahidayana Akhra, seterusnya berbual mesra bersama beliau (kiri).



UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI

**JOB VACANCIES IN UNIVERSITI
TEKNOLOGI BRUNEI**
Academic Session 2020/2021

UTB was established in 1986 and since it was upgraded to a full university status in 2008, UTB has been able to position and develop itself as an institution of higher learning in the country and region. UTB ranks among the world's top universities within 10 years after being upgraded to a university. UTB is the only QS 5 Stars rated engineering and technology university in Brunei Darussalam offering internationally-accredited programmes with vibrant campus experience where students can excel academically, socially and professionally. Through broad-based and globally-oriented education, we strive for excellence to deliver 360° + graduates with creativity, self-responsibility, leadership, and employability skills to prepare them to become the leaders of tomorrow. UTB achieved another milestone in the QS World University Rankings (QSWUR) at number 379, evaluated against 1,620 institutions from 82 countries around the world. It has risen by an astounding 63 places from its first appearance in the QSWUR last year at 442. In the 2020 edition of QS Asia University Rankings, UTB is among the top 200 universities ranked at 137 climbed 44 places among 557 institutions across the continent. UTB is the first university in the country that successfully acquired the ISO 9001:2015 Quality Management System Certification by Bureau Veritas.

In terms of academic programmes, the university has attained accreditation from the British Computing Society (BCS) for all degree programmes under the School of Computing and Informatics as well as accreditation from the Joint Board of Moderators (JBM) for degree programmes offered by the Civil Engineering Programme Area, Faculty of Engineering. The Bachelor of Business (Hons) in Accounting and Information Systems programme of our university is accredited by Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and also part of ACCA Accelerate programme which provides an option for our students to obtain ACCA qualification within their study period in Universiti Teknologi Brunei. UTB currently offers 25 undergraduate degree programmes including its part-time degrees and 10 Master's Degrees and PhD programmes.

Today, UTB has some 1,408 students including 79 MSc Students and 36 PhD

students, and 141 faculty members. To date, UTB has produced over 5,141 HND, 295 HND Level 5, 1784 undergraduates and 199 Master's degree graduates.

UTB invites suitably qualified candidates to join our **School of Design** for the positions of **Lecturer, Assistant Professor and Senior Assistant Professor** under the areas of specialisations :

ARCHITECTURE

- Architectural Design
- Heritage Studies, Urban Design and Culture in Architecture
- Environment and Sustainability in Architecture

PRODUCT DESIGN

- Design Practice in Product Design
- Design Modelling in Product Design
- Material Technology and Science in Product Design

QUALIFICATIONS

At least Upper Second-class Honours degree, Master's (preferably Distinction) and PhD qualification or equivalent in the relevant field.

1. Lecturer

Minimum PhD qualification.

2. Assistant Professor

Minimum PhD qualification with at least 5 years' experience in teaching and research at an institution of higher education, with showing advancement in teaching, research, publications and community service for salary scale PT2; holding similar post for considerable years at higher education institution with having excellent record of teaching and research, have held management position such as Dean/Deputy Dean or Head/Assistant Head of Department for salary scale PT2A. Candidate having experience in the supervision of Master's degree students will be at advantage.

3. Senior Assistant Professor

Minimum PhD qualification holding an equivalent post at an institution of higher education or post of Assistant Professor on a salary scale PT2 for a minimum of 7 years /

Assistant Professor on a salary scale PT2A for at least 4 years, with rising reputation in the field of specialisation, an excellent record of teaching, research and publication and showing high capacity in administration at the level of Programme Area/Faculty/Centre. Candidate should also has experience in the supervision of at least Master's degree students.

Further details of the qualifications for the above positions can be obtainable from UTB website at <http://www.utb.edu.bn/careerutb/>

SALARY AND FRINGE BENEFITS

Details of the salary and fringe benefits can be obtained from UTB website at <http://www.utb.edu.bn/careerutb/>

APPLICATION SUBMISSION

Completed application forms together with copies of academic certificates and transcripts, comprehensive curriculum vitae with the names and addresses of four referees, teaching portfolio, research portfolio, h-index, citation, and number of listed publications (Scopus) should be sent to :

Registrar and Secretary
Universiti Teknologi Brunei
Jalan Tunku Link
Gadong, BE1410
BRUNEI DARUSSALAM
or
utbreruitment@utb.edu.bn

Incomplete applications will not be considered.

Local applicants should complete the application form for local applicants, whereas non-locals applications should complete the application form for non-local applicants. Interested local applicants working with Government Departments should submit their application form through their respective Head of Department. The Head of Department is to provide a copy of performance appraisal form for the last three consecutive years and up to date service record.

Application forms can be downloaded from UTB website at <http://www.utb.edu.bn/careerutb/>

Applications must reach the Registrar and Secretary's Office, Universiti Teknologi Brunei by **Monday, 6 January 2020**.

Only shortlisted candidates will be notified.

**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAH DALAM
NEGERI**



**TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 106 / 2019**

**TAWARAN MENGGANTI BARU
ATAP BANGUNAN
FLAT PUTERI-PUTERI,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh tutup :
**Selasa, 14 Januari 2020,
jam 2.00 Petang**

**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAH DALAM
NEGERI**



**TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 100 / 2019**

**MEMBINA TEMPAT KERETA
BERATAP BERTEMPAT
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN
MUARA,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 101 / 2019**

**MEMBEKAL DAN MEMASANG
LAMPU CUCUL
BERTEMPAT DEWAN
KEMASYARAKATAN LAMBAK
KANAN I, MUKIM BERAKAS 'B',
NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

Yuran tawaran :
BND10.00

Tarikh tutup :
**Selasa, 14 Januari 2020, jam 2.00
Petang**

**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
TAWARAN NO. 1:
MINDEF / DFA / RC / 102 (13)
GROUP PERSONAL INSURANCE
COVERAGE FOR SPECIAL FORCE
REGIMENT (SFR)
- TWO (2) YEARS CONTRACT**

BAYARAN TAWARAN :
**BND30.00 - tender fee
(tidak dikembalikan)**

Tarikh tutup :
**Selasa, 21 Januari 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang**



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**TO DEVELOP AND OPERATE A CAFÉ
ON APPROXIMATELY 1,200 SQUARE
FEET AT ARRIVAL HALL OF BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT**

Reference: DCA / MKG / 2019 / T4A

Document fee :
BND30.00 only (Non-Returnable)

Closing date :
Tuesday, 14 January 2020, 2.00 PM



**OUTWARD BOUND
BRUNEI DARUSSALAM
(OBBD)**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
KKBS / OBBD / F-004 (08-2019)**

**MEMBEKAL PERALATAN /
MEMBEKAL DAN MEMBUAT
KONKRIT DI KAWASAN LUAR
PEJABAT BARU OUTWARD
BOUND BRUNEI DARUSSALAM
(OBBD)**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
KHAMIS, 9 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG**




KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 44 / 2019

MAINTENANCE OF GOLF COURSE
AT BERAKAS GARRISON,
ROYAL BRUNEI ARMED FORCES,
MINISTRY OF DEFENCE

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : II & KEATAS SAHAJA

KATEGORI KPB12 AND/OR S03

TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUN

TARIKH TUTUP :
21 JANUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

DOKUMEN-dokumen tawaran bolehlah diperoleh di Bangunan Arkib Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BS3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran dan mengambil dokumen tawaran :

Isnin hingga Rabu
8.00 Pagi hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga
10.30 Pagi


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : [KA01]

TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
18 DISEMBER 2019 (RABU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
21 JANUARI 2020 (SELASA)
JAM 3.30 PETANG

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
28 JANUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRC 26 / 2019

NAMA PROJEK :
PELEBARAN JALAN TUTONG
BERMULA DARI PERSIMPANGAN JALAN JERUDONG MENUJU

PERSIMPANGAN LUGU

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS : IV, V & VI SAHAJA KATEGORI : [KA01 / B01]

TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
11 DISEMBER 2019 (RABU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
7 JANUARI 2020 (SELASA),
JAM 3.30 PETANG

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
14 JANUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 27 / 2019

NAMA PROJEK :
KEMAJUAN DAERAH TEMBURONG - PEMBINAAN TUGU PERINGATAN DI PUSING KELILING LABU DAN PAPAN TANDA 'TEMBURONG'

DI PEKAN BANGAR

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



**UNIT TEKNOLOGI
MAKLUMAT
DIVISIEN
PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

NOTIS SEBUT HARGA

BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.10 / 2019 / T01
**INVITATION TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, CONFIGURATION,
TESTING AND TRAINING OF
FLOWAVE PLATFORM FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Yuran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran :
31 Disember 2019

Tarikh Mula Mengambil Dokumen Tawaran :
2 Januari 2020

Tarikh Tutup :
14 Januari 2020 (sebelum jam 2.00 Petang)



**JABATAN
PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN**



BIL. TAWARAN :
JAPEM / 2020 / RENOVATIONS
PUSATBAHAGIATUTONG / WR

PERKARA :
RENOVATIONS FOR PUSAT
BAHAGIA TUTONG

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi

**Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada Selasa, 21 Januari 2020, jam 10.00 Pagi.


**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

RUJUKAN TAWARAN :
17 / JPD / JKSH / 20192020

TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN DI KOMPLEKS LITAR
UJIAN DAN LATIHAN MEMANDU,
JABATAN PENGANGKUTAN
DARAT SG. AKAR BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN

TARIKH TUTUP :
Selasa, 14 Januari 2020,
jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
(01) KKBS / PTD / 1.1 / 76

TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN PERALATAN ALAT
TULIS BAGI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
(02) KKBS / PTD / 1.1 / 76

TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN PERALATAN
PEJABAT (TONER, INK DAN DRUM
PRINTER) BAGI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



TARIKH TUTUP TAWARAN :
Tidak lewat Selasa, 21 Januari 2020
jam 2.00 Petang.

IKLAN


**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA
TERUTUP BAGI 1 BUAH PERAHU
GETAH DAN 5 UNIT ENGIN MOTOR
SANGKUT, PEJABAT KERAJAAN**

BIL. :**1**

KETERANGAN :
**1 UNIT ENGIN MOTOR SANGKUT
MODEL :
MERCURY - 20HP**

JUMLAH :**1 UNIT****BIL. :****2**

KETERANGAN :
**1 UNIT ENGIN MOTOR SANGKUT
MODEL :
MERCURY - 90HP**

JUMLAH :**1 UNIT****BIL. :****3**

KETERANGAN :
**1 UNIT ENGIN MOTOR SANGKUT
MODEL :
MERCURY - 25HP**

JUMLAH :**1 UNIT****BIL. :****4**

KETERANGAN :
**1 UNIT ENGIN MOTOR SANGKUT
MODEL :
MERCURY - 225HP**

JUMLAH :**1 UNIT****BIL. :****5**

KETERANGAN :
**1 UNIT ENGIN MOTOR SANGKUT
MODEL :
YAMAHA - 115HP**

JUMLAH :**1 UNIT****BIL. :**

KETERANGAN :
**6
1 BUAH PERAHU GETAH
MODEL :
INFLATABLE H.D. BOAT
JUMLAH :
1 UNIT**

JUMLAH SEMUA :**6 UNIT**

TEMPAT :
Bengkel Jabatan Ukur, Simpang 312,
Kampung Burong Lepas,
Jalan Bengkurong Masin,
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh didapati di Bengkel Jabatan Ukur, Simpang 312, Kampung Burong Lepas, Jalan Bengkurong Masin, Negara Brunei Darussalam.

3. Untuk melihat barang-barang berkenaan, sila hadir pada **6 Januari 2020** hingga **11 Januari 2020**, semasa waktu berkerja dari jam **8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari** bertempat di Bengkel Jabatan Ukur, Simpang 312, Kampung Burong Lepas, Jalan Bengkurong Masin, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran hendaklah diserahkan kepada Penyambut Tetamu, di Tingkat 4, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada jam **9.00 Pagi**, Sabtu, **18 Januari 2020**.

5. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

6. Tawaran mestilah diantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.

7. Pembeli yang berjaya akan dimaklumkan dan dikehendaki membayar pembayaran secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat (7) hari dari tarikh sebut harga ditutup.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAWARAN KASTAM :
AUCTION / 1 / 2020**

**JUALAN LELONG KENDERAAN
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS
DIRAJA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

LOT NO. DAN KETERANGAN

1. NISSAN BLUEBIRD
2. MITSUBISHI VERADA
3. TOYOTA EMINA
4. NISSAN CEFIRO
5. NISSAN LAUREL
6. MAZDA 323
7. HONDA INTEGRA
8. KIA SHUMA
9. MITSUBISHI PAJERO
10. MAZDA 6
11. TOYOTA CALDINA
12. TOYOTA CRESSIDA
13. TOYOTA COROLLA
14. LORI CARGO NISSAN

**TAWARAN KASTAM :
AUCTION / 2 / 2020**

**JUALAN LELONG BOT DAN KAPAL
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS
DIRAJA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

LOT NO. KETERANGAN

1. 1 KAPAL
2. 1 PERAHU FIBERGLASS
3. 1 PERAHU FIBERGLASS

Tarikh mengambil borang pada :
13 Januari 2020 hingga 16 Januari 2020
20 Januari 2020 dan 22 Januari 2020

**Tempat mengambil dan menghantar
borang :**
Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh tutup menghantar borang
tawaran pada :**

28 Januari 2020, jam 2.00 Petang

**Tarikh dan jam melihat kenderaan, bot
dan kapal pada :**

20 Januari 2020 dan 23 Januari 2020
(9.00 Pagi hingga 11.30 Pagi)
(2.00 Petang - 4.00 Petang)

Lokasi melihat Kenderaan dan Bot :
Gudang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Bahagian Pengukuasaan Undang-Undang
Cawangan Muara

Jalan Belangkas, Muara
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Negara Brunei Darussalam.

Lokasi melihat Kapal :
Bangunan Jabatan Laut dan Pelabuhan
Maritime and Port Authority of
Brunei Darussalam
Jalan Perusahaan Serasa
Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.

SYARAT DAN PERATURAN

1. JUALAN lelong kenderaan, bot dan kapal ini adalah seperti ada nya (*as it is*).

2. Tidak ada jaminan selepas jualan.

3. Semua pembayaran hendaklah dibayar secara tunai sahaja kecuali bagi pembayaran Kapal iaitu dapat dilaksanakan menggunakan pembayaran kad atau cek.

4. Penyertaan jualan lelong dalam borang yang dihadapkan tidak boleh dibatalkan atau menarik diri daripada tawaran.

5. Peserta yang berjaya akan dihubungi melalui talian telefon.

6. Peserta yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan / bot / kapal dengan membuat pembayaran tunai dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pemberitahuan.

7. Jualan lelong enjin *outboard*, bot dan kenderaan ini tidak boleh dikembalikan selepas jualan dan wang tidak akan dikembalikan.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 15

**BERTARikh : 27 OGOS 2019
BERSAMAAN 26 ZULHIJJAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 17**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN
KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PENGAJIAN ISLAM (SEK.
UGAMA BERIBI, SEK. UGAMA
LAMBAK KANAN DAN SEK. UGAMA
LAMUNIN)
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 11
BERTARikh : 17 JULAI 2019
BERSAMAAN 14 ZULKAEDAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT, KKBS
NO. RUJUKAN : KKW / AD / JBT / 58**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
SEKOLAH RENDAH KAPOK
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 5**

**BERTARikh : 19 SEPTEMBER 2019
BERSAMAAN 19 MUHARRAM 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
(SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK
PUTERI NORAIN)
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17**

**BERTARikh : 28 SEPTEMBER 2019
BERSAMAAN 28 MUHARRAM 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**BERTARikh : 19 JUN 2019
BERSAMAAN 14 SYAWAL 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**BERTARikh : 20 MEI 2019
BERSAMAAN 14 RAMADAN 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 47**

**BERTARikh : 26 OGOS 2019
BERSAMAAN 26 ZULHIJJAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT, KKBS
NO. RUJUKAN : KKW / AD / JBT / 58**

**BERTARikh : 27 MEI 2019
BERSAMAAN 21 RAMADAN 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
(SEKOLAH UGAMA LUMAPAS)
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17**

**BERTARikh : 31 JANUARI 2018
BERSAMAAN 14 JAMADILAWAL 1439**

dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, di Lantai Dasar bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Brunei Darussalam.

IMBASAN MINGGUAN

ACARA Sukan Ria Kampung Limau Manis termasuk berlari dalam guni begitu menarik perhatian. - Foto : Hamzah Mohidin.



PARA pengunjung begitu gembira menyertai acara Bandarku Ceria. - Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi.



AKSI menarik pada Pertandingan Tarian Rentak Optima. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



ANTARA aktiviti yang disertai pada Program Bandarku Ceria. - Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi.

Pasukan Awang Semaun juara



GURU Besar Sekolah Rendah (SR) Lumut, Dayang Hajah Mizawati binti Haji Marusin dan Ketua Guru Ugama, Dayang Lulisurayani binti Haji Abdul Hamid ketika ditemu bual.

LUMUT, Sabtu, 4 Januari. - Setelah menikmati cuti akhir tahun 2019, kini sudah tiba masa untuk kembali ke sekolah buat Murid-murid Tahun 1 hingga 6 bagi Sekolah Rendah (SR) Lumut bagi meneruskan Sesi Penggal Persekolahan yang baharu

Tahun 2020.

Guru Besar SR Lumut, Dayang Hajah Mizawati binti Haji Marusin, semasa ditemu bual menerangkan perancangan aktiviti selama dua hari itu merupakan program berpasukan di antara murid-murid bagi membangkitkan

semula semangat mereka kembali bersekolah.

Pihak sekolah menjadualkan beberapa aktiviti sebelum dan selepas Cuti Penggal Persekolahan, selain membuat persediaan juga persiapan untuk kembali ke sekolah bagi meneruskan sesi pembelajaran penggal persekolahan yang baharu.

Melalui acara yang dikendalikan, semua murid dibagikan kepada empat pasukan, terdiri daripada pasukan Rumah Alak Betatar, Rumah Patih Berebai, Rumah Nakhoda Ragam dan Rumah Awang Semaun.

Aktiviti selama dua hari itu dijuarai oleh pasukan Awang Semaun bagi acara keseluruhan, yang dikendalikan oleh tenaga pengajar sekolah, Dayang Zenitta.

Sementara itu, Aktiviti Bahagian Keagamaan Sekolah dikendalikan oleh Ketua Guru Ugama, Dayang Lulisurayani binti Haji Abdul Hamid, mengongsikan perancangan program keagamaan sekolah berkenaan mengikut kerian yang dijalankan seperti acara bertahlil dan memeduli kebaikan anak yatim semasa bulan Ramadan dan sebagainya.

Guru-guru, ibu bapa dan

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



ANTARA aktiviti berpasukan yang disertai oleh Murid-murid SR Lumut.

penjaga murid-murid berharap murid-murid dan anak-anak negara.

Musim pertama persekolahan tahun ini bermula pada 2 Januari 2020 di seluruh negara.

SU PMMB mulakan Sesi Pembelajaran Tahun 2020

TEMBURONG, Sabtu, 4 Januari. - Selama lebih sebulan cuti persekolahan ugama tahun 2019,

seluruh sekolah di negara ini kembali meriah oleh murid-murid yang gembira bertemu semula

kawan-kawan bagi memulakan pembelajaran penggal pertama Persekolahan Tahun 2020.

Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (SU PMMB) Temburong, dipilih sebagai tempat tinjauan bagi menyaksikan pelbagai kerohanian murid-murid yang gembira dan teruja kembali melakukan persekolahan dan tidak ketinggalan menyaksikan gelagat sibuk guru-guru mengendalikan aktiviti-aktiviti sekolah.

Aktiviti di SU PMMB hari ini bermula dengan Solat Zuhur Berjemaah, diikuti dengan sesi perkumpulan suai kenal di antara



MURID-MURID Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (SU PMMB) Temburong semasa Kempen Kebersihan di kelas masing-masing (kiri). Sementara gambar atas, sesi perkumpulan murid-murid sekolah ugama setelah Solat Zuhur Berjemaah.

Berita dan Foto : Muhamad Akmal Haji Ali

guru-guru dengan murid-murid sekolah ugama tersebut.

Setelah itu, murid-murid dan guru-guru kembali ke kelas masing-masing dan melakukan aktiviti kempen membersihkan kelas.

Aktiviti ini dilakukan adalah supaya guru dan murid dapat menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan selesa dan murid-murid dapat lebih fokus dan tenang

semasa sesi pembelajaran dalam kondisi kelas yang bersih dan kemas, kerana kebersihan itu separuh daripada iman dan Allah suka dengan orang yang bersih.

Sementara itu, Guru Besar dan guru-guru sekolah berkenaan turut melahirkan harapan agar sesi persekolahan tahun 2020 akan lebih membanggakan, di samping menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan berjaya.

SM RIPAS anjurkan Kem Sekolah Kembali 2020

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

TUTONG, Sabtu, 4 Januari. - Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Tutong baru-baru ini menganjurkan Kem Sekolah Kembali 2020 sempena memulakan tahun persekolahan baharu. Acara berlangsung selama dua hari.

Pada hari pertama, acara dimulakan dengan Solat Sunat Dhuha dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Tolak Bala yang dipimpin oleh Awang Julaihi bin Masri di Surau Sekolah.

Acara diteruskan dengan perhimpunan di grandstand sekolah yang dihadiri oleh guru-guru dan pelajar-pelajar. Perhimpunan turut dihadiri oleh Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Kumpoh; ucapan disampaikan oleh Pegawai Kelompok 4 Kluster, Dayangku Surayani binti Pengiran Haji Mohd. Yasin dan Timbalan Ketua Pentadbiran

SM RIPAS. Diikuti oleh sesi senamrobik yang diketuai oleh Khoo Chin Kai.

Acara diteruskan dengan kempen kebersihan, diikuti dengan Taklimat Keselamatan yang dikendalikan oleh Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE); tayangan video pendek mengenai keselamatan kebakaran.

Sementara pada hari kedua, acara diteruskan dengan Solat Sunat Dhuha berjemaah, diketuai oleh Awang Ashadi bin Haji Kassim di Surau Sekolah.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan yang diketuai oleh Awang Noor Rulanuar bin Lumpat (Jabatan PE) yang berlangsung di grandstand sekolah dan diteruskan dengan Sukan Mini Fun yang disertai oleh para pelajar sekolah.

Acara diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang Sukan Mini Fun. Acara



ANTARA acara Sukan Mini Fun yang disertai oleh para pelajar sekolah.



PARA pelajar diberikan Taklimat Keselamatan yang dikendalikan oleh Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE).

dua hari tersebut dianjurkan oleh Jabatan HEP, Jabatan Kaunseling dan Kerjaya dan Jabatan CCA.

Nelayan : Patuhi syarat-syarat lesen alat menangkap ikan

Siaran Akhbar : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengingatkan kepada para nelayan, terutama pemegang lesen alat menangkap ikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, supaya akan sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen alat menangkap ikan yang dikuatkuasakan pada masa ini, termasuk larangan untuk beroperasi menangkap ikan di kawasan lingkungan 500 meter daripada sangkar ikan terapung luar pantai perairan Negara Brunei Darussalam.

Mana-mana pemegang lesen alat menangkap ikan yang didapati gagal mematuhi atau melanggar syarat lesen alat menangkap ikan yang dikuatkuasakan tersebut adalah satu kesalahan.

Jika sabit kesalahan, boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009, termasuk boleh dikenakan denda kompaun sehingga BND1,000 atau didakwa di mahkamah yang boleh dikenakan hukuman denda sehingga BND10,000 atau penjara sehingga satu tahun.



ACARA Sukan Mini Fun dimulakan dengan sesi senamrobik disertai oleh para pelajar Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Tutong.

Ibu bapa, komuniti perlu pastikan keselamatan anak

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Musim persekolahan sudah pun bermula sejak 2 Januari lalu, di mana semua sekolah di seluruh negara dibuka dan semua pelajar kembali ke sekolah seperti biasa.

Dalam pada itu, dalam apa jua situasi, keselamatan dan kesejahteraan para pelajar ketika berada di sekolah perlu dititikberatkan demi menjaga keamanan juga keharmonian pelajar, tenaga pengajar dan penjaga ketika berada di sekolah.

'Malang Tidak Berbau' adalah perumpamaan merujuk kepada risiko dan kemalangan yang ada di mana-mana.

Keselamatan bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi ia termasuk pemakanan, pergaulan dan persekitaran.

Berikut adalah beberapa tip yang boleh dijadikan panduan untuk memastikan keselamatan anak-anak biskita ketika berada di sekolah.

Jangan membawa beg terlalu besar dan berat, terutama sekali bagi anak-anak kecil kerana beg yang terlalu besar dan berat boleh menjadikan kesihatan tulang belakang mereka.

Selain itu, beg yang besar dan berat boleh mengganggu

pergerakan dan ketidakseimbangan badan yang tidak mustahil akan mengundang kemalangan.

Persekutuan tempat membeli makanan juga penting bagi mengelakkan anak-anak keracunan makanan, pastikan mereka tidak membeli makanan di tempat yang terdedah kepada bahaya keracunan dan persekitaran yang kotor juga tidak terjamin kebersihannya. Jelaskan kepada mereka terlebih dahulu kepentingan membeli makanan di tempat yang bersih.

Ada baiknya untuk bersarapan terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan ke sekolah kerana apabila bersarapan, mereka dapat meningkatkan tenaga dan metabolisme untuk memulakan hari yang aktif, selain membantu memberikan fokus juga penumpuan baik semasa di dalam kelas. Bahkan dengan sarapan yang disediakan oleh ibu bapa sendiri di rumah lebih terjamin kebersihannya.

Keselamatan ketika menaiki kenderaan adalah paling utama dan pastikan mereka tahu langkah-langkah keselamatan ketika menaiki kenderaan.

Sebagai contoh jika mereka menaiki bas ke sekolah, terangkan



JEJANTAS yang disediakan untuk kegunaan para penuntut dan pejalan kaki untuk menyeberang jalan raya.

kepada mereka bahaya bergurau senda bersama kawan-kawan ketika bas sedang bergerak. Pesan kepada mereka agar tidak berdiri di tangga pintu bas kerana takut berlaku perkara yang tidak diingini.

Keselamatan ketika melintas jalan raya juga amat penting dan anak-anak perlu diberikan pendedahan keselamatan ketika melintas di jalan raya. Pastikan mereka tahu fungsi lampu isyarat (lampu merah, kuning dan hijau) untuk melancarkan perjalanan.

Apa yang lebih penting sekali, untuk sentiasa mengingatkan mereka untuk tidak menumpang kenderaan orang yang tidak dikenali. Ini ialah pesanan yang sangat penting. Pastikan anak-anak tidak mudah terpengaruh dengan umpan daripada orang yang

tidak dikenali yang cuba untuk membawa mereka dalam kenderaan orang yang tidak dikenali kerana hal ini adalah merbahaya bagi mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku.

Alat tulis sekolah turut memainkan peranan utama dalam ciri-ciri keselamatan kerana penggunaan alat tulis yang tajam dan mempunyai risiko, seperti gunting, pisau dan sebagainya perlu diambil kira untuk keselamatan anak-anak di sekolah. Latih mereka menggunakan alat tulis tersebut dengan betul. Jelaskan kenapa alat tulis tersebut tidak boleh disalahgunakan.

Peralatan senaman dan sukan di sekolah seperti lembing dan sebagainya tidak semestinya selamat bagi anak-anak kita. Pastikan mereka tahu

menggunakannya dengan betul untuk mengelakkan kemalangan pada diri sendiri dan kawan-kawan.

Jangan lupa untuk menjelaskan kepada anak-anak mengenai bahaya bergurau senda dan berlari-lari ketika di dalam kelas atau ruang mahupun lorong yang agak sempit. Objek seperti kerusi, meja atau di luar kelas, seperti lubang, longkang dan sebagainya boleh mengundang bahaya kepada anak-anak.

Terakhir sekali, jika anak terlibat dengan aktiviti luar seperti perkhemahan, lawatan atau pakaian beruniform pastikan kita tahu jadual program mereka. Pesan kepada mereka agar sentiasa mengikuti segala nasihat dan peraturan yang ditetapkan oleh para guru sebagai langkah keselamatan.

Pembaikan sistem kolam penjernih, penapisan air

Siaran Akhbar :
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR) ingin memaklumkan orang ramai, terutama penduduk Kampung Kiarong dan Kampung Subok bahawa disebabkan oleh masalah sistem kolam penjernih dan penapisan air di Loji Rawatan Air Bukit Barun, pengeluaran air bersih akan berkurangan sehingga kerja-kerja pembaikan selesai.

Walau bagaimanapun, JKR ingin memberikan jaminan kepada orang ramai bahawa setiap langkah diambil untuk menangani masalah tersebut dan JKR berusaha untuk melaksanakan pembekalan air kembali seperti biasa secepat mungkin.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air dan menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas perkara ini dan ingin berterima kasih atas kefahaman juga kesabaran orang ramai.



TEMPAT-TEMPAT duduk bagi keselesaan dan keselamatan para penuntut berteduh juga menunggu ibu bapa atau penjaga mereka (kiri), sementara gambar bawah, zebra crossing yang disediakan untuk keselamatan melintasi jalan raya.



Belia Berwawasan

Generasi peneraju masa depan negara



Kenalkan jenama tempatan di pentas antarabangsa

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Atiqah Ismail

MENYAKSIKAN pakaian rekaan sendiri diperagakan di pentas antarabangsa sebaris dengan pereka fesyen bertaraf dunia sememangnya satu kenangan manis dan membanggakan buat seseorang. Begitulah yang dirasakan oleh pereka muda tempatan yang telah berjaya membawa 20 pakaian rekaannya untuk diperagakan semasa 'Thai Silk International Fashion Week' dan 'Grand Fashion Extravaganza' di Thailand tahun lalu. Pada usia yang masih muda, belia berusia 29 tahun, Dayang Atiqah binti Ismail telah membawa jenama XOIA semasa pameran fesyen yang sekali gus memperkenalkan Negara Brunei Darussalam dalam industri reka fesyen pakaian.

Pereka Fesyen dan juga Pengarah Urusan XOIA Company, Dayang Atiqah mula mencebur bidang fesyen pada tahun 2009 di United Kingdom. Beliau menarik inspirasi rekaannya daripada reka bentuk bangunan dan mega-struktur moden. Pada akhir tahun 2015, Dayang Atiqah telah

mengasaskan label dan jenamanya sendiri yang dipanggil XOIA (disebut zho-ya), yang mana memfokuskan pada rekaan sedia pakai dan juga rekaan eksklusif bertempah. Beliau dikenali dengan hasil karya seni rekaan busana yang minima dan *androgynous* dengan ciri-ciri yang berstruktur. Pada tahun 2017, Dayang Atiqah tersenarai sebagai salah seorang daripada 'Top 33 Women under 33 to Watch in Brunei' oleh Lyfe Media atas potensi dan pencapaiannya dalam bidang fesyen, sokongan sosial dan keusahawanan. Dayang Atiqah kini memberi tumpuan untuk mengembangkan perniagaan dan operasi label dan jenama beliau XOIA di rantau ASEAN dan antarabangsa.

Pencapaian

Mengimbang kenangan semasa menyertai peragaan fesyen di Thailand ketika berlangsungnya acara antarabangsa tahunan bagi menghormati Ratu Sirikit, Ratu Ibu Thailand, Dayang Atiqah membawakan gabungan rekaan moden dan tradisional.

"Saya telah mereka bentuk sebanyak 15 pasang pakaian dengan menggunakan berbagai jenis Sutera Thai, sementara yang lain adalah diperbuat daripada kain yang berlainan," ujarnya. Sutera Thai yang digunakan adalah dihasilkan oleh Yayasan Permaisuri Ratu Sirikit bagi 'Promotion of Supplementary Occupations and Related Techniques' di mana syarikat milik Dayang Atiqah adalah di antara 42 pereka antarabangsa dan 30 pereka Thailand yang mengambil bahagian di dalam acara tersebut.

Menurut beliau ini, fesyen merupakan industri yang mempunyai potensi besar secara global di dunia fesyen bernilai dua trilion dolar Amerika dengan pertumbuhan industri tahunan sebanyak lima peratus. Industri fesyen ujarnya, mempunyai banyak potensi dan peluang untuk menghasilkan pekerjaan dan keperluan untuk produk dan perkhidmatan seperti fotografi fesyen, pemasaran fesyen dan barang, reka bentuk grafik, tekstil dan boleh menghasilkan permintaan untuk set kemahiran tempatan seperti tukang jahit dan pemotong corak.

Inspirasi

Peluang keemasan bertemu dengan


pereka-pereka fesyen terkemuka dunia dari pelbagai negara telah memberikan Dayang Atiqah inspirasi dan kesedaran untuk menjadi pereka yang lebih baik dan lebih kreatif. Penyertaan pada acara berprestij itu merupakan satu platform bagi belia berwawasan ini untuk mencebur lebih banyak peluang lagi di mana majoriti kerja dan usaha seterusnya adalah untuk mengekalkan hubungan dan peluang perniagaan yang telah dia peroleh dari acara-acara tersebut.

Menyentuh mengenai peningkatan bilangan pereka fesyen yang bercita-cita tinggi di negara ini, Dayang Atiqah menjelaskan adalah penting untuk mereka saling memberi inspirasi dan galakkan antara satu sama lain dan juga mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berkembang bagi membolehkan industri fesyen sebagai perniagaan yang mampan. Dengan berkembangnya industri kreatif seumpama ini akan memberi peluang ia boleh dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam dan tidak mustahil dijadikan sebagai produk eksport.

Melalui pengalaman dengan menyertai pentas peragaan seumpama ini mencetuskan idea kepada belia berwawasan ini untuk mempromosikan tenunan atau penghasilan kain songket Brunei dan kain-kain tradisional yang lain. Pada masa yang sama ia juga boleh merangsang minat generasi muda serta meningkatkan kesedaran di peringkat antarabangsa pada hasil seni tempatan, reka bentuk dan teksturnya yang unik.

Dapatkan Lesen Pembina, Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Pendaftaran Syarikat Pembekal untuk faedah bersama

PROSES PENDAFTARAN PEMBINA / KONTRAKTOR / PEMBEKAL



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
dengan kerjasama ABCi
Foto : Jabatan Penerangan dan
Ihsan ABCi

JAMINAN keselamatan bangunan merupakan satu keutamaan yang perlu dititikberatkan. Oleh itu Pembina / Kontraktor / Pembekal dalam industri pembinaan mestilah benar-benar berkelayakan dan memperoleh sijil pendaftaran di Kementerian Pembangunan. Ini adalah untuk menggalakkan dan memajukan syarikat-syarikat dalam industri pembinaan supaya lebih berdaya saing, mapan dan sentiasa meningkatkan kualiti kerja yang tinggi. Juga untuk jaminan keselamatan yang merupakan agenda penting bagi orang ramai yang memerlukan khidmat mereka.

Sebelum melaksanakan projek sama ada projek swasta atau projek kerajaan, beberapa prosedur perlu diambil kira. Antaranya ialah mendapatkan kebenaran kemajuan dari Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). Jika melihat kepada prosedur ini, beberapa perkara perlu diketahui terlebih dahulu sebelum meneruskan permohonan seperti melantik Arkitek yang berdaftar dan seterusnya mengetahui dan melantik Pembina atau Kontraktor yang akan membuat kerja-kerja binaan tersebut.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil inisiatif melalui Kementerian Pembangunan melalui ABCi telah mengeluarkan Lesen Pembina, Sijil Pendaftaran Kontraktor dan

Sijil Pendaftaran Syarikat Pembekal secara elektronik sejak 1 September 2019.

Walau bagaimanapun tidak semua orang layak untuk mendapatkan Lesen Pembina, Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Pendaftaran Syarikat Pembekal secara elektronik jika tidak ada kelayakan tertentu. Untuk mendapatkan lesen yang dimaksudkan, pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat yang dimaksudkan sebelum diberikan lesen atau sijil berkenaan. Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan atau orang yang dilantik selaku wakil untuk menjalankan perniagaan pembinaan mestilah mendaftar selaku pembina.

Menurut Perintah Kawalan Bangunan, 2014 (Building Control Order, 2014) Seksyen 43 2(a) - Tidak ada seorang pun boleh menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia memiliki Lesen Pembina dan 2 (b) - Tidak ada seorang pun boleh menjalankan perniagaan atau menjalankan usaha untuk menjalankan, sama ada kerja-kerja bangunan eksklusif dan kerja-kerja pembinaan pakar kecil atau kerja-kerja pembinaan pakar kecil sahaja, melainkan jika dia memiliki Lesen Pembina. Pembina hendaklah mempunyai Lesen Pembina yang sah dengan memastikan dirinya/syarikat berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan mempunyai kategori kerja yang bersesuaian. Jika syarikat ingin mengikuti sebarang tawaran projek kerajaan, syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan memiliki Sijil Pendaftaran Kontraktor dan / atau Sijil Pendaftaran Syarikat Pembekal.

Terdapat enam kelas pendaftaran, iaitu

Kelas 1 hingga Kelas 6 dan setiap kelas mempunyai syarat yang berlainan. Begitu juga dengan kelulusan pembina masing-masing ada syaratnya. Sebagai contoh bagi pembina yang berhajat untuk mendapatkan Kelas VI, mereka hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah pertama dalam bidang industri binaan atau HND dan mempunyai pengalaman dalam industri binaan sekurang-kurangnya dua tahun atau berpengalaman dalam industri binaan sekurang-kurangnya enam tahun.

Menurut Pegawai di Bahagian Perlesenan ABCi, bagi pendaftaran Kelas 6 tidak dibukakan bagi permohonan pendaftaran baharu. Pendaftaran Kelas 6 hanya dibukakan kepada syarikat yang telah berdaftar terlebih dahulu di salah satu Kelas 5 ke bawah sebelum dipertimbangkan untuk dinaikkan ke Kelas 6 jika syarikat dapat membuktikan pengalaman dan kemahiran bagi projek-projek yang pernah dilaksanakan.

Bagi syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tender / projek kerajaan, mereka juga perlu berdaftar sebagai kontraktor dan mempunyai sijil Pendaftaran Kontraktor yang sah di bawah Kementerian Pembangunan. Mereka ini juga perlu mempunyai lesen Pembina terlebih dahulu mengikut kategori kerja yang hendak didaftarkan.

Bagi pendaftaran Sijil Pembekal pula, mana-mana syarikat yang hendak mengikuti tawaran-tawaran atau sebut harga perbekalan kerajaan dalam industri pembinaan, mereka perlu mendaftar sebagai pembekal di bawah Kementerian Pembangunan. Syarat-syarat bagi Sijil Pembekal ialah mempunyai modal \$10,000.00 dan berdaftar di Kementerian

Kewangan.

Permohonan bagi mendapatkan Lesen Pembina, Sijil Pendaftaran Kontraktor, dan Sijil Pembekal boleh dihadapkan secara dalam talian melalui <http://online.mod.gov.bn/abci/> dan maklumat mengenai syarat-syarat dan tatacara pendaftaran bolehlah diperoleh di laman sesawang ABCi di www.abci.gov.bn.

Pemaju / tanah juga diingatkan untuk memastikan pembina / kontraktor yang melaksanakan aktiviti pembinaan hendaklah berdaftar dan mempunyai Lesen Pembina, Sijil Pendaftaran Kontraktor yang sah sepanjang tempoh perlaksanaan projek.

Bagi tujuan pengesahan syarikat yang berdaftar, mereka bolehlah mengimbas QR Code yang ada di Lesen / Sijil Pendaftaran tersebut yang mengandungi maklumat senarai syarikat yang berdaftar di Kementerian Pembangunan. Mereka juga boleh melayari ke laman sesawang ABCi, iaitu www.abci.gov.bn atau menghubungi ke Bahagian Perlesenan di talian +673 2380429 dan WhatsApp ke Hotline ABCi +673 8140365.

Pada kelazimannya sah laku Lesen Pembina, Sijil Kontraktor dan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Pembekal adalah bagi tempoh tiga tahun sahaja dan boleh diperbaharui dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh mansuh.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dengan memperkenalkan lesen pembina, sijil pendaftaran kontraktor dan sijil pendaftaran syarikat pembekal adalah satu langkah bijak yang bukan sahaja melindungi hak kedua-dua belah pihak, tetapi juga dapat menjimatkan kos dan masa tanpa berlaku sebarang penipuan.



Pasukan NBD raih tempat kedua



Berita dan Foto :
Ihsan Persekutuan Petanque Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Pasukan Negara Brunei Darussalam merangkul tempat kedua dalam Kejohanan Petanque Piala Borneo Ke-9 dan Kejohanan Petanque Inter-Club Borneo Ke-10, 2019

yang berlangsung baru-baru ini di Gelanggang Petanque, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah menerusi BSB 4.

Sarawak pula mengukuhkan penguasaan mereka apabila



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pasukan Negara Brunei Darussalam (kiri) dan seterusnya bergambar ramai (atas) pada Kejohanan Petanque Piala Borneo Ke-9 dan Kejohanan Petanque Inter-Club Borneo Ke-10, 2019.

menjuarai kedua-dua kejohanan sekali gus merampas kembali kejuaraan Piala Borneo daripada juara bertahan dan pesaing sengit, Sabah.

Sementara pasukan dari Persatuan Sukan Petanque Kuching (PSPBK MZ) yang berpusat di Sarawak pula memenangi gelaran Inter-Club Borneo.

Sebanyak 90 pasukan menyertai

Kejohanan Petanque Inter-Club Borneo termasuk 23 pasukan daripada tuan rumah Negara Brunei Darussalam, 30 pasukan dari Sarawak dan Sabah, lima pasukan dari Wilayah Persekutuan Labuan dan sebuah pasukan masing-masing dari Selangor dan Aceh.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para

pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Persekutuan Petanque Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Indera SC tewas di tangan Kasuka FC

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Indera SC tewas 2 - 3 di tangan Kasuka FC pada Perlwanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 19 Tahun yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Gol pembukaan perlwanan hadir pada minit ke-17, apabila Muhd. Hilmi berjaya menjaringkan gol pertama Kasuka FC apabila tendangan yang dibuat terus membolosi gawang lawan.

Ketinggalan dengan jaringan 0 - 1, maka pada separuh masa kedua, Indera SC mengandakan usaha untuk menyamakan jaringan, namun masih gagal membolosi barisan pertahanan Kasuka FC, malah dikejutkan dengan jaringan Kasuka FC pada minit ke-47, hasil sepakan Md. Aisan Aizuddin untuk terus

mendahului dengan jaringan, 0 - 2.

Selang empat minit kemudian, nasib menyebelahi Indera SC, apabila berjaya membolosi gawang Kasuka FC melalui tendangan Amirul Aizad pada minit ke-51.

Tidak ingin mengalah, Kasuka FC menjaringkan gol ketiga melalui Md. Hadif Aiman pada minit ke-72 untuk membolehkan

mereka terus mendahului di depan, dengan 1 - 3.

Pada saat-saat akhir permainan, iaitu pada minit ke-85, Indera SC berjaya merapatkan jurang dengan menjaringkan gol keduanya melalui tendangan Md. Ishyra Aqimin.

Kedudukan 2 - 3 kekal hingga wisel penamat dibunyikan.

Sementara itu, pada perlwanan bersinggan yang berlangsung di Padang NFABD menyaksikan Setia Perdana menerima kunjungan Panchor Murai FC, di mana menyaksikan kemenangan berpihak kepada Panchor Murai FC dengan jaringan, 1 - 3.



ANTARA aksi perebutan bola di antara Indera SC (jersi merah) dan Kasuka FC (jersi kuning) pada Perlwanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 19 Tahun (kanan dan kanan sekali).



PEMAIN Indera SC (jersi merah) dan Kasuka FC (jersi kuning) ketika berebut bola pada perlwanan tersebut.



Sukan

INFO SUKAN

LEBIH BND1,600 hasil daripada hadiah kemenangan lumba perahu diagihkan kepada 45 pekayuh Pasukan Lumba Perahu Mukim Saba (PLPMS) pada Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan anjuran PLPMS pada 31 Disember lalu.



ePaper Pelita Brunei



Larian Brunei 2020 terima penyertaan dalam, luar negara

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Januari. - Awang Md. Khairul Anuar bin Ramli dan Siaw Kim Tho, masing-masing muncul juara Kategori 10km Lelaki dan Kategori 10km Wanita pada Larian Brunei 2020 (Brunei Run 2020) anjuran Akif Media & Marketing semasa Bandarku Ceria, di Bandar Seri Begawan, di sini.

Manakala, juara bagi Kategori 5km Lelaki dan Kategori 5km Wanita disandang oleh Awang Mohd. Syazwi Iman bin Haji Zulkifli dan Chloe Clarke.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Hadiah kepada para pemenang Kategori 10km Lelaki dan Kategori 10km Wanita, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud (depan, tiga dari kiri) bergambar ramai bersama para pemenang Larian Brunei 2020 (Brunei Run 2020).

Sementara hadiah bagi juara Kategori 5km Lelaki dan Kategori 5km Wanita, disampaikan oleh wakil daripada McDonald's Brunei selaku penaja utama larian tersebut.

Pemenang Kategori 10km Lelaki, Awang Md. Khairul Anuar semasa ditemu bual berasa gembira dan berbangga kerana berjaya menjuarai kategori tersebut, di mana latihan sebelum menyertai larian tersebut bermula pada Mac 2019 lalu.

"Saya sangat gembira di atas kemenangan ini setelah berusaha gigih berlatih bersama jurulatih saya, iaitu Awang Sulaiman daripada Jabatan Belia dan Sukan, di mana latihan tersebut diadakan sebanyak enam kali seminggu," jelas beliau lagi.

Awang Jame Azrin bin Haji Dulamit daripada Akif Media & Marketing menjelaskan, Brunei Run 2020 antara lain bertujuan untuk mengumpulkan lebih banyak Rakyat Brunei untuk mengikuti maraton di negara ini.

"Alhamdulillah, Brunei Run 2020 mendapat sambutan yang luar biasa setelah menerima penyertaan daripada luar negara seperti Amerika Syarikat, Republik Czech, England, Republik Filipina, Republik Indonesia, Malaysia dan Rusia," jelas beliau lagi.



PEMENANG Kategori 10km Lelaki, Awang Md. Khairul Anuar semasa ditemu bual.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBAHARUI AZAM, CAPAI MATLAMAT, USAHAKAN TERBAIK!

دتربيتكن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان دچيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam